

Berwaspada ketika berbelanja dalam talian

Sarifah
Hamizah Syed
Hamid,
Universiti
Malaysia
Terengganu

Urusan jual beli dalam talian kini sudah menjadi sebahagian cara hidup era moden ini. Hal ini banyak disumbangkan oleh peningkatan kebolehcapaian umum kepada internet.

Istimewanya urusan jual beli dalam talian ialah ia mampu menawarkan pelbagai jenis barangan yang datang dari seluruh pelusuk dunia dengan capaian kepada satu halaman dagang sahaja. Malah, jika anda masih tidak menemui produk dicari, ada puluhan laman dagang yang boleh diakses dengan tawaran barangan hampir sama.

Faktor itu menjadikan urusan pembelian dalam talian sememangnya menjadi pilihan pengguna. Hal ini disebabkan ia memudahkan kita membeli apa sahaja yang diinginkan tanpa membazirkan masa. Apatah lagi dengan kekangan waktu kerja, selain hal-hal membabitkan kesesakan lalu lintas, membeli-belah secara dalam talian jauh lebih selesa.

Ia juga mudah diakses, cepat dan selamat, sekaligus memberi penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi oleh orang ramai hari ini. Apatah lagi kebanyakan laman dagang menyediakan penggunaannya dengan pelbagai pilihan barangan yang mampu mempengaruhi pembeli. Taip sahaja apa

yang ingin dibeli, ia akan disusuli dengan pelbagai pilihan harga, warna, saiz untuk satu produk hampir sama.

Sedia pelbagai tawaran jualan menarik

Tidak kira apa yang ingin anda beli sama ada produk sukan, pakaian, aksesori, masakan, kesihatan dan kecantikan semuanya ada. Apatah lagi dengan strategi pemasaran yang menarik, ketersediaan kupon diskaun, kod promo dan seumpamanya ia akan menjadikan urusan perdagangan dalam talian lebih menarik. Malah ada yang menawarkan pelbagai kelebihan dari segi kecepatan proses pengeposan, kadar pengiriman selain pengguna ditawarkan dengan nilai pos percuma.

Satu faktor yang lebih menarik sebenarnya, laman dagang menjimatkan masa pengguna untuk

membeli sesuatu barangan dengan pilihan luas untuk membuat perbandingan produk. Pada masa sama, mekanisme keselamatan setiap laman dagang juga sentiasa dikemas kini bagi memastikan setiap pengguna dapat mencapainya tanpa rasa curiga.

Pengguna juga perlu sentiasa peka dan berwaspada ketika membuat belian dalam talian elak terpedaya dengan laman yang memberi tawaran tidak masuk akal hingga merugikan diri sendiri.

